

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(12)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 12 TAHUN 2015**

Tarikh : 22 Disember 2015 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 20. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 22. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 23. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Tan Pang Yeow | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
12. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan

14. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
15. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
16. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Puan Satinah binti Safirol
Pengarah, Jabatan COB
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
20. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
24. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
25. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

27. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
28. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
30. Encik Rostam bin Salleh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
34. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
36. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
37. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
38. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

41. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
42. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
43. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
49. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
50. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
51. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
52. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
53. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

55. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
56. Puan Diana binti Muhamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
60. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
61. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
63. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
64. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
65. Encik Mohd Faiz bin Sharil
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 12/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 PROGRAM KAYUHAN HIDUP SIHAT MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ 2015 pada 19 Disember 2015 (Sabtu), pada jam 7.30 pagi bertempat di Jalan BK 5A/1, Bandar Kinrara 5, Selangor Darul Ehsan.

Program yang berbentuk santai ini diadakan dalam Kategori Umum (*Fun Ride*) dengan jarak kayuhan 30KM.

Program ini turut dihadiri oleh Tetamu Kehormat Y. B. Puan Noor Hanim binti Ismail, ADUN Seri Serdang.

Program ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat pada masanya kerana ia dapat menggalakkan lagi penggunaan basikal untuk tujuan riadah kepada masyarakat di samping mengaktifkan lagi hujung minggu mereka dengan aktiviti gaya hidup sihat.

MPSJ akan meneruskan program kayuhan hidup sihat pada tahun 2016 dan berharap mendapat sambutan dan penyertaan yang lebih ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

2.2 MAJLIS HI-TEA MERAIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MPSJ PENGGAL 2014/2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis *Hi-Tea* Meraikan Ahli-Ahli Majlis MPSJ Penggal 2014/2015 pada 22 Disember 2015 (Selasa), pada jam 3.00 petang bertempat di Hotel Grand Dorsette, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Di kesempatan ini, pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis MPSJ yang telah berkhidmat bagi penggal 2014/2015 di atas segala jasa baik dan khidmat bakti yang dihulurkan dalam memberikan sumbangan, nasihat dan bimbingan demi untuk memaju dan meningkatkan prestasi Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Oleh yang demikian, Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis untuk hadir bagi memeriahkan Majlis *Hi-Tea* ini.

2.3 PELANCARAN PROGRAM KAWALAN TIKUS MENGUNAKAN BURUNG PUNGGUK MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) akan mengadakan Pelancaran Program Kawalan Tikus Menggunakan Burung Pungguk MPSJ 2015 pada 23 Disember 2015 (Rabu), pada jam 2.00 petang hingga 4.30 petang bertempat di Padang Bola, Jalan SS 15/2E, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Taklimat Program Kawalan Tikus Menggunakan Burung Pungguk akan disampaikan oleh Profesor Abu Hassan bin Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir untuk bersama-sama menjayakan Majlis Pelancaran Program Kawalan Tikus Menggunakan Burung Pungguk MPSJ 2015 ini.

2.4 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 50 (iaitu sehingga 19 Disember 2015) adalah sebanyak 10,034 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.5 MAKLUMAN UNTUK KERJA-KERJA PENILAIAN CUKAI TAKSIRAN UNTUK BANGUNAN TAMBAHAN KATEGORI RUMAH TERES SAHAJA DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah melantik syarikat jurunilai swasta iaitu Intra Harta Consultants Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja penilaian cukai taksiran untuk bangunan tambahan kategori rumah teres sahaja.

Untuk makluman, kerja-kerja penilaian cukai taksiran ini bukanlah aktiviti penilaian semula cukai taksiran tetapi pindaan kepada cukai taksiran sedia ada kerana terdapat tambahan dan ubahsuai rumah yang telah dijalankan oleh pemilik harta.

Kerja-kerja penilaian cukai taksiran ini dijalankan selaras dengan peruntukan **Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976,**

Seksyen 144 (b) yang menyatakan;

“Apa-apa bangunan didirikan, diubahsuai, diubah, diruntuhkan atau dibina semula, atau lain-lain kemajuan dibuat pada sesuatu pegangan berkadar, nilainya telah dinaikkan”

Tempoh masa kerja-kerja penilaian ini adalah selama dua belas (12) bulan bersamaan dengan dua (2) kali tarikh kuat kuasa cukai taksiran iaitu 01 Julai 2016 dan 01 Januari 2017. Kerja-kerja penilaian ini bermula dari 15 Disember 2015 sehingga 14 Disember 2016.

Jumlah rumah teres yang terlibat adalah sebanyak 10,000 pegangan / unit. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah;

- i. PJS 7, Bandar Sunway
- ii. PJS 9, Bandar Sunway
- iii. SS 17, Subang Jaya
- iv. SS 19, Subang Jaya
- v. Taman Kinrara Seksyen 1
- vi. Taman Kinrara Seksyen 4
- vii. Taman Kinrara Seksyen 5
- viii. Taman Puchong Perdana
- ix. Taman Universiti Indah
- x. Taman Serdang Raya Seksyen 1 – 9

Wakil-wakil daripada syarikat jurunilai swasta tersebut akan menjalankan kerja lawat periksa dari rumah ke rumah untuk mengenal pasti kerja-kerja tambahan dan ubahsuai yang telah dijalankan oleh pemilik harta.

Oleh yang demikian, semua Ahli Majlis dimohon untuk mengambil maklum berkaitan kerja-kerja penilaian cukai taksiran ini.

2.6 PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS TIDAK BERLESEN DAN TIDAK MEMPERBAHARUI LESEN PERNIAGAAN

Bulan Disember merupakan musim pembaharuan Lesen Perniagaan, ini adalah kerana kebanyakan Lesen Perniagaan akan tamat pada 31 Disember 2015.

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk komuniti peniaga memperbaharui Lesen Perniagaan masing-masing sama ada melalui Kaunter Bersepadu di Ibu Pejabat MPSJ, Kaunter Pejabat Cawangan di Bandar Puteri, Kaunter Pejabat Cawangan Serdang Jaya, Kaunter Bergerak di lokasi pasar pagi dan pasar malam yang telah dijadualkan, serta kemudahan memperbaharui bagi lesen yang tidak berisiko secara atas talian atau 'online'.

Bagi komuniti peniaga yang telah memperbaharui Lesen Perniagaan mereka sebelum tamat tempoh lesen, pihak Majlis mengucapkan syabas dan tahniah serta setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak premis-premis yang beroperasi tanpa lesen yang sah dari pihak Majlis atau tidak memperbaharui lesen, tetapi masih menjalankan operasi perniagaan walaupun lesen perniagaan telah tamat tempoh.

Sehubungan dengan itu, MPSJ sedang giat melakukan pemantauan dan mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas premis-premis ini.

Di antara tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan ke atas premis-premis yang tidak berlesen atau telah tamat tempoh lesen perniagaan ialah pengeluaran Notis Tawaran Kompaun (NTK), menutup dan menyita premis serta tindakan mahkamah.

Pihak Majlis juga ingin memberi peringatan dan amaran kepada komuniti-komuniti peniaga yang masih belum memperbaharui Lesen Perniagaan bagi tahun 2015, supaya segera memperbaharui Lesen Perniagaan sebelum 31 Disember 2015. Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, Lesen Perniagaan mereka akan dibatalkan bermula pada 01 Januari 2016.

2.7 KAUNTER BERGERAK PEMBAHARUAN LESEN PASAR PAGI DAN PASAR MALAM BAGI TAHUN 2016

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah meneruskan inisiatif dengan mengadakan perkhidmatan Kaunter Bergerak di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam bagi kemudahan peniaga-peniaga untuk memperbaharui lesen pasar pagi dan pasar malam.

Kaunter Bergerak ini telah mula beroperasi mengikut jadual yang telah ditetapkan di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam bermula pada 01 Disember 2015 yang lalu dan akan berakhir pada 31 Disember 2015.

Perkhidmatan Kaunter Bergerak ini adalah sebagai langkah turun padang sekaligus bertujuan memudahkan peniaga-peniaga pasar pagi dan pasar malam untuk memperbaharui lesen perniagaan mereka tanpa bersusah payah untuk hadir ke Ibu Pejabat MPSJ bagi proses pembaharuan lesen perniagaan yang dijalankan setiap tahun.

Perkhidmatan Kaunter Bergerak di lokasi pasar pagi akan bermula pada jam 9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan kutipan di lokasi pasar malam pula adalah pada jam 5.00 petang hingga 8.00 malam mengikut jadual yang telah diaturkan selama sebulan.

MPSJ mengingatkan agar peniaga mengambil peluang untuk memperbaharui lesen pasar pagi dan pasar malam di mana-mana lokasi Kaunter Bergerak yang berhampiran sehingga 31 Disember 2015 ini.

Kegagalan peniaga memperbaharui lesen pasar pagi dan pasar malam akan menyebabkan peniaga tidak dibenarkan masuk untuk menjalankan perniagaan ke tapak pasar pagi dan pasar malam selain tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas akan dikenakan terhadap para peniaga yang didapati ingkar.

2.8 PROGRAM PEMUTIHAN PENJAJA PASAR PAGI DAN PASAR MALAM DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Program pemutihan penjaja pasar pagi dan pasar malam di kawasan MPSJ telah dijalankan secara berperingkat bermula pada bulan September sehingga November 2015.

Bancian dan pemeriksaan telah dijalankan sebanyak 3 kali di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam selain berpandukan kepada rekod tindakan penguatkuasaan bagi mengenal pasti pemegang lesen yang tidak menjalankan perniagaan di tapak pasar pagi dan pasar malam.

Pihak Majlis turut merekodkan nama peniaga tanpa lesen yang menjalankan perniagaan di tapak yang menggunakan lesen pasar pagi dan pasar malam pemegang lesen asal yang tidak aktif untuk tujuan pemutihan peniaga.

Hasil program pemutihan yang dijalankan telah mengenal pasti sebanyak 159 penjaja yang mengguna pakai lesen milik penjaja lain serta merekodkan sebanyak 339 penjaja tanpa lesen yang menjalankan perniagaan di pasar-pasar pagi dan pasar-pasar malam.

159 peniaga yang menggunakan lesen penjaja lain di tapak akan dipertimbangkan untuk mendapatkan lesen (menerusi program pemutihan) dan lesen penjaja asal yang telah disalahgunakan akan dibatalkan.

Manakala seramai 339 penjaja tanpa lesen akan disenaraikan untuk proses temuduga bagi tujuan pengisian petak pasar pagi dan pasar malam sekiranya terdapat kekosongan petak yang disediakan oleh pihak Majlis.

Walau bagaimanapun, hanya 8 daripada 30 lokasi pasar pagi dan pasar malam yang telah dibuat bancian bagi program pemutihan penjaja pasar pagi dan pasar malam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya ini.

Pihak Majlis akan meneruskan kerja-kerja bancian dan pemeriksaan bagi program pemutihan ini dan proses ini dijangka akan selesai pada Januari 2016.

BIL	LOKASI PASAR PAGI / MALAM	CATATAN
i.	Pasar Malam Angsana USJ 1	Hari Ahad
ii.	Pasar Malam Taman Sri Serdang	Hari Jumaat
iii.	Pasar Malam Taman Sri Serdang	Hari Isnin
iv.	Pasar Malam PBS 14/1	Hari Isnin
v.	Pasar Malam Puchong Utama	Hari Selasa
vi.	Pasar Malam Saujana Puchong	Hari Rabu
vii.	Pasar Malam Serdang Raya	Hari Sabtu
viii.	Pasar Malam SS 13	Hari Selasa

2.9 PERAYAAN HARI KRISMAS 2015

Saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut **Hari Krismas** kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Kristian. Hari Krismas akan disambut pada 25 Disember 2015 (Jumaat).

Kedatangan Hari Krismas atau turut dikenali sebagai "*Hari Natal*" sudah pastinya disambut meriah oleh masyarakat kristian. Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan anda yang meraikannya.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran perayaan Hari Krismas yang bakal menjelma ini, ia akan diraikan dengan penuh kemeriahan. Gunakanlah peluang di hari perayaan ini untuk meraikannya bersama ahli keluarga tercinta di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan diantara kita.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS 2015

2.10 UCAPAN TAHUN BAHARU 2016

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan **Selamat Menyambut Tahun Baru 2016** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ. Tahun Baru 2016 akan disambut pada 01 Januari 2016 (Jumaat). Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran tahun baru yang bakal menjelma ini, bersama-samalah kita meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah.

Justeru itu, dalam mengharungi tahun 2016 yang akan menjelang ini, bersama-samalah kita menggariskan hala tuju MPSJ dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan MPSJ.

Mudah-mudahan segala inisiatif murni MPSJ ini akan memberikan faedah dan manfaat yang lebih besar dan berterusan kepada MPSJ khususnya dan kepada masyarakat amnya. Dengan *tagline* 'MPSJ PERBANDARAN VIBRANT' ianya diharap menjadi pemangkin ke arah pencapaian prestasi MPSJ yang lebih gemilang di tahun-tahun yang akan datang.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2016

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2015 BERTARIKH 25 NOVEMBER 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2015 bertarikh 25 November 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 23/2015 Bertarikh 02 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 24/2015 Bertarikh 09 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Wan Hock Leong	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi

			(Tambah Ubahsuai)	<p>Permohonan Cadangan Tambah Dan Ubahsuaian Daripada 1 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Yang Sedia Ada Kepada Asrama Di Atas Lot 37682, No. 21, Jalan PJS 9/16, Bandar Sunway, 46150 Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Beliau membangkitkan isu berkenaan perkara ini supaya pihak Majlis akan meneliti dengan lebih terperinci ke atas semua permohonan yang akan diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis di masa hadapan bagi sebarang permohonan cadangan tambahan dan ubahsuaian daripada rumah teres yang sedia ada kepada asrama memandangkan ia secara tidak langsung telah menyumbang kepada beberapa isu kejuruan dan isu sosial di kawasan tersebut selain menimbulkan masalah tempat meletak kereta.</p>
--	--	--	----------------------	---

				<p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mewujudkan satu dasar yang jelas berkenaan perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan memperhalusi isu-isu berbangkit berkenaan perkara ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 10/2015 Bertarikh 08 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 12/2015 Bertarikh 08 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Tai Cheng Heng	Cadangan Membina "Flyover" Untuk Sambungan Jalan Daripada MEX Expressway Ke Jalan Putra Permai	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung cadangan membina "flyover" untuk menggantikan cadangan simpang lampu isyarat untuk sambungan jalan daripada MEX Expressway (Kuala Lumpur – Putrajaya Maju Expressway) ke Jalan Putra Permai, Seri Kembangan.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan ulasan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak MEX Expressway bagi memberikan penjelasan lanjut berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 12/2015 Bertarikh 09 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 12/2015 Bertarikh 10 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Wan Hock Leong	Dasar Kebersihan Longkang Awam Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung dasar kebersihan longkang awam di kawasan pentadbiran MPSJ terutamanya bagi isu-isu penyaluran sisa air basuhan dan cucian serta "effluent" dari premis makanan ke longkang awam.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mencari kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan bagi menangani isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kesihatan memaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan telah menguatkuasakan dibawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPSJ) 2007 dengan mengenakan syarat</p>

				<p>supaya premis makanan memasang Perangkap Gris / Minyak (Grease Trap) bagi penapisan penyaluran sisa air basuhan dan cucian di premis makanan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pemilik premis makanan supaya mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan dan iklan dibawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPSJ) 2007 berkenaan perkara ini untuk dikuatkuasakan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa maklumbalas</p>
--	--	--	--	---

				mengenai perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 12/2015 Bertarikh 15 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Landskap

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 12/2015 Bertarikh 15 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan
Teknologi Maklumat Bil. 08/2015 Bertarikh 16 Disember 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju**
menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam
laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1 Ucapan penangguhan dan penghargaan diterima daripada Encik Pooi Weng Keong, Encik Jaber bin Ami, Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan dan Encik Loka Ng Sai Kai yang mewakili semua Ahli Majlis MPSJ Penggal 2014/2015.
- 5.2 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA